

18/10/1999

SIC berpuas hati tahap penganjuran

SEPANG International Circuit (SIC) berpuas hati dengan perjalanan perlumbaan Formula Satu Grand Prix Malaysia Petronas semalam.

Pengurus Besarnya, Hussin Ali, berkata walaupun sasaran kira-kira 92,000 penonton tidak tercapai ketika perlumbaan hari terakhir, ia tetap dianggap berjaya dan "pulang modal".

Walaupun timbul kekurangan kecil di sana-sini, penganjuran buat pertama kali itu dianggapnya "hampir sempurna" serta menyemarakkan lagi nama Malaysia dalam bidang sukan pemotoran di peringkat antarabangsa.

Yang penting, katanya, semua yang datang, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta beberapa tokoh kenamaan dari dalam dan luar negara gembira menyaksikan perlumbaan itu, yang antara lain bertujuan mempromosikan negara ini sebagai tarikan pelancong.

"Perdana Menteri memberitahu saya kita dapat menganjurkannya dengan jayanya dan seluruh Eropah akan mula menumpukan perhatian terhadap kita selepas ini. Saya juga diberitahu Perdana Menteri bahawa Eddie (Jordan) dan (Sir Frank) William memuji negara ini kerana dapat menganjurkan perlumbaan ini dengan baik walaupun untuk pertama kali.

"Dari sudut lain, objektif untuk menarik pelancong luar juga dianggap tercapai kerana daripada 80,000 penonton yang hadir dalam perlumbaan hari ini, dianggarkan 35,000 adalah pelancong asing.

"Daripada 32,275 penonton yang memenuhi tempat duduk grandstand, 90 peratus juga pelancong asing. Selain itu, semua suit hospitaliti juga ditempah," katanya ketika ditemui pemberita sejurus tamat perlumbaan julung kali di Litar F1 Sepang bernilai RM286 juta itu.

Hussin berkata jualan tiket sepanjang tiga hari perlumbaan pusingan ke-15 Grand Prix F1 itu dianggarkan mencecah RM40 juta manakala SIC turut memperolehi kira-kira RM30 juta lagi menerusi hak penyiaran perlumbaan.

Itu, katanya, tidak termasuk jumlah keuntungan yang dikira menerusi pengecualian cukai hiburan berkaitan sukan itu.

Jadual perlumbaan sebelum pusingan terakhir di Litar Suzuka, 31 Oktober ini, juga memberi ruang untuk beberapa pasukan mengenali dengan lebih dekat tempat-tempat menarik di negara ini sebelum berlepas ke Jepun.

"Saya diberitahu hampir 40 anggota pasukan Ferrari akan bercuti di Cherating manakala pasukan Jordan di Pulau Langkawi. Beberapa wartawan kanan asing juga gembira apabila diberi peluang bercuti di Pulau Pangkor."

Menurutnya, SIC bekerja keras sejak lima bulan lalu untuk memastikan penganjuran F1 di litar canggih itu berjaya kerana ia penting untuk menambat hati Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) yang memberikan kita hak penganjuran selama lima musim.

Hussin berkata kakitangan SIC juga akan `berehat' sebelum menumpukan semula terhadap tugas memastikan penganjuran pusingan terakhir dalam kalendar F1 musim depan lebih berjaya.

(END)